POS MALAYSIA ABADIKAN KARYA BATIK PEMENANG PERTANDINGAN REKAAN BATIK PIALA SERI ENDON MENERUSI SETEM KHAS DAN SAMPUL SURAT HARI PERTAMA



Pos Malaysia Berhad melalui Bahagian Setem dan Filateli telah mengeluarkan setem khas serta Sampul Surat Hari pertama bertemakan "Batik Malaysia" pada hari Jumaat, 2 Disember 2005. Setem-setem tersebut telah dilancarkan oleh Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, di Dataran Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Koleksi khas tersebut memaparkan motif asal yang dihasilkan oleh pemenang tahun 2003 dan 2004 Pertandingan Rekaan Batik Piala Seri Endon , salah satu daripada aktiviti 'Batik Malaysia – Ciptaan Untuk Dunia'. Pergerakan tiga-fasa 2003 – 2005 tersebut diterajui oleh Allahyarhamah Datin Paduka Seri Endon Mahmood, isteri kepada Perdana Menteri Malaysia yang kelima.

"Pos Malaysia Berhad menyokong usaha ke arah mempromosikan seni kraftangan tempatan dan kami berasa bangga kerana dapat mengabadikan rekaan ulung pemenang Pertandingan Rekaan Batik Piala Seri Endon melalui koleksi setem khas. Ia juga merupakan tanda penghargaan kami terhadap usaha gigih Allahyarhamah Datin Paduka Seri Endon dalam mempromosikan keindahan seni warisan kita iaitu batik serta memperkayakan dunia kita dengan warna-warna tradisi ini," kata Dato' Ikmal Hijaz Hashim.

Sementara itu, Pos Malaysia menerusi Bahagian Setem dan Filateli juga turut menyertai Pameran Batik Malaysia bersempena Konvensyen Batik Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIB) dari 8 hingga 12 Disember di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC). Turut serta dalam pameran tersebut ialah PosLaju yang merupakan kurier rasmi bagi KLIB.

POS MALAYSIA KELUAR SETEM KENANG-KENANGAN BERSEMPENA SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-11

Pos Malaysia mengeluarkan koleksi setem kenang-kenangan bersempena dengan Sidang Kemuncak ASEAN ke-11 yang telah berlangsung di Kuala Lumpur dari 12 hingga 14 Disember 2005. YAB Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi telah merasmikan setem ASEAN tersebut pada 10 Disember 2005 bersempena dengan Pelancaran Rasmi Pameran Perniagaan Asia Timur (EABEX) 2005 bertempat di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur (KLCC).

Koleksi setem tersebut menggambarkan tema sidang kemuncak tersebut pada tahun ini iaitu "Satu Wawasan, Satu Identiti, Satu Komuniti" selaras dengan matlamat Malaysia untuk mewujudkan suasana berorientasikan masyarakat untuk anggota ASEAN.

Selain daripada pengeluaran setem ASEAN tersebut, Pos Malaysia juga tidak ketinggalan mengambil bahagian dalam EABEX '05 di mana setem-setem tersebut telah dipamerkan dan dijual kepada pengunjung dan delegasi sidang kemuncak tersebut.

POS MALAYSIA BERHAD DAN TELEKOM PUBLICATIONS SENDIRIAN BERHAD METERAI PERKONGSIAN STRATEGIK

Pada 11 November 2005, Pos Malaysia Berhad (PMB) dan Telekom Publications Sendirian Berhad (TPSB) dengan rasminya menandatangani perjanjian untuk PMB mengedarkan direktori-direktori yang diterbitkan oleh TPSB seperti Yellow Pages, Malaysia Chinese Yellow Pages, Business White Pages dan Residential White Pages di seluruh negara. Majlis menandatangani perjanjian tersebut telah diadakan di Tingkat 54, Menara TM, Jalan Pantai Baharu, Kuala Lumpur.

Orang ramai boleh mendapatkan naskah direktori tersebut bermula dari 28 November 2005, dengan hanya menunjukkan kad pengenalan mereka kepada kakitangan kaunter di pejabat pos bagi tujuan rekod pengedaran.

Melalui 430 pejabat pos terpilih kami di Semenanjung Malaysia, Pos Malaysia Berhad menawarkan kemudahan tambahan kepada pelanggan TPSB untuk mendapatkan naskah direktori tersebut. Orang ramai boleh menghubungi talian PosLine kami 1-300-300-300 bagi mendapatkan lokasi sebenar dan nombor telefon pejabat-pejabat pos terpilih tersebut.

sudut seni

KEIKHLASAN

Menyusur segenap laluan
Persis mengungkai seluruh alam
Lurah liku kian disusuri
Namun masih belum ditemui
Kilauan permata suci

Keikhlasan,
Cahayamu menerangi kegelapan
Hadirnya bagai jernih air
Mengalir, meresap, akan jiwa yang kehausan

Keikhlasan,
Jujur setia menjadi junjungan
Ikatan akan penyatuan keakraban

Keikhlasan,
Kelembutan, kemurnian kian berganding
Moga keakraban kesepaduan
Menjadi ikatan berpanjangan

-Abdul Rahimie bin Shaharom, Selangor

SRIKANDI HATIKU

Aku mengukir senyum
Tatkala memandang redupnya matamu
Mata insan yang telah bertahun bersamaku
Pengorbanan dan kasih kemanjaanmu
Terlalu beerti buatku
Dan nilainya tidak terperi
Budimu terlalu agung
Bertaruh nyawa melahirkan zuriatku
Segunung intan pun tak mampu
Menilai dirimu

Kadangkala ... aku merasakan
Akulah insan yang paling bertuah
Kerana memiliki dirimu
Dan aku bersumpah dalam hatiku
Bahawa setiap nafasmu akan
Aku bahagiakan sepanjang hayatku
Akan ku pegang amanah ayahbondamu
Agar menjagamu seperti menjaga nyawaku sendiri
Senyumlah isteriku, kerana senyumanmu
Adalah bukti aku telah membahagiakan dirimu....

-Razi, GPO Shah Alam-

lidah pengarang

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera,

Bertemu kembali kita di surat berita Pos Malaysia – PosNet untuk edisi Disember 2005.

Terlebih dahulu, sidang pengarang PosNet ingin mengambil kesempatan ini bagi mengucapkan Selamat Hari Krismas dan Selamat Tahun Baru kepada semua warga Pos Malaysia. Ucapan selamat juga kami ingin tujukan kepada warga Pos Malaysia yang bakal mengerjakan ibadah Haji, semoga mereka memperolehi haji Mabrur, Insya-Allah.

Penghujung tahun 2005 menyaksikan beberapa perubahan di kalangan warga kerja Pos Malaysia dan yang paling ketara ialah mereka yang telah dan akan bersara samada secara pilihan mahupun wajib. Sesungguhya, jasa murni mereka amat dihargai dan di sini, kami ingin mengucapkan selamat maju jaya kepada mereka semua.

Tidak lama lagi kita akan melangkah ke tahun yang baru, 2006. Dalam menempuh perubahan ini sudah tentu kita harus bersedia menghadapi pelbagai cabaran baru. Tekadkan azam dan kuatkan kecekalan anda. Kami berharap agar tahun yang baru ini membawa pembaharuan kepada warga pos ke arah budaya kerja yang lebih cemerlang serta perkhidmatan yang berkualiti. Marilah kita bersama-sama meningkatkan taraf Pos Malaysia sebagai pembekal perkhidmatan pos yang disenangi di Malaysia dan seterusnya di rantau ini.

Di kesempatan ini, PosNet merakamkan penghargaan kepada mereka yang telah menyumbang idea dan hasil karya kepada kami. Sememangnya sebagai sebuah 'keluarga' besar, kerjasama anda dalam menjayakan surat berita ini amatlah disanjung tinggi. Sehubungan dengan itu, sumbangan anda dari segi idea, maklumat, karya, cadangan, kritikan dan sebagainya amatlah kami harapkan bagi memastikan PosNet terus unggul. Untuk itu, sila alamatkan segala sumbangan anda ke:-

Sidang Pengarang PosNet
Bahagian Komunikasi Korporat
Tingkat 34, Menara Dayabumi
Jalan Sultan Hishamuddin
50050 Kuala Lumpur
Tel : 03-2267 2000
Faks : 03-2274 5951
E-mel : corpcomm@pos.com.my

Akhir kata, diharapkan agar kita terus menjadi warga kerja yang berjaya dan sehingga kita berjumpa lagi dikeluaran PosNet Februari nanti. Salam Hormat, Selamat Menyambut Tahun Baru 2006 dan Selamat Hari Raya Aidil Adha.

isi kandungan

BERITA SEMASA
- POS MALAYSIA BERHAD DAN TELEKOM PUBLICATIONS METERAI PERKONGSIAN STRATEGIK.
- POS MALAYSIA ABADIKAN KARYA PEMENANG PERTANDINGAN REKAAN BATIK PIALA SERI ENDON MENERUSI SETEM KHAS DAN SAMPUL SURAT HARI PERTAMA
- POS MALAYSIA KELUAR SETEM KENANG-KENANGAN BERSEMPENA SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-11 2005

SUDUT POS IBU PEJABAT
- POS MALAYSIA RAIKAN AIDILFITRI DAN DEEPAVALI BERSAMA WARGA KERJA, PELANGGAN KORPORAT DAN WAKIL MEDIA
- POS MALAYSIA DERMA RM20,000.00 KEPADA CANCERLINK

SELANGOR
- MAJLIS SAMBUTAN AIDILFITRI POS MALAYSIA SELANGOR
- MAJLIS DOA SELAMAT BAGI BAKAL HAJI

KEDAH/PERLIS
- HARI KELUARGA POS MALAYSIA KEDAH / PERLIS

PULAU PINANG
- JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI ANJURAN PEJABAT PENGURUS NEGERI
- MAJLIS BACAAN YASSIN DAN TAHLIL UNTUK BAKAL HAJI
- MAJLIS PERSARAAN WARGA PMB PULAU PINANG DAN JAMUAN AIDILFITRI

MELAKA
- JAWATAN SAMBIL BELAJAR TADIKA & TASKA SERI BERJAYA BUKIT BERUANG MELAKA

PAHANG
- SAMBUTAN AIDILFITRI POS MALAYSIA PAHANG

TERENGGANU
- MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA 2005
- SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA
- MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT POS MALAYSIA

JOHOR
- MERIAH! HARI KELUARGA POS MALAYSIA JOHOR
- HARI RAYA POS MALAYSIA JOHOR

SARAWAK
- MAJLIS RAMAH TAMAH AIDILFITRI

SUDUT SETEM & FILATELI
- MINGGU SETEM 2005 BERSEMPENA MINGGU BATIK ANTARABANGSA KUALA LUMPUR 2005
- SETEM KHAS 5 PULAU-PULAU DAN TERUMBU KARANG DI LAUT CHINA SELATAN

SUDUT INFO
- POSLAJU MEMPERKENALKAN 30 DESTINASI ANTARABANGSA BARU UNTUK PERKHIDMATAN KURIER EMS

SUDUT JAPENI
- MAJLIS SUMBANGAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM

BERITA WARGA POS
- MALAM JASAMU DIKENANG POS MALAYSIA KEDAH/PERLIS
- MAJLIS PERPISAHAN PENGURUS NEGERI MELAKA & KETUA OPERASI RETAIL NEGERI MELAKA
- MALAM JASAMU DIKENANG POS MALAYSIA TERENGGANU
- MAJLIS PERPISAHAN PENGURUS NEGERI SARAWAK

SUDUT SENI
- SERIKANDI HATIKU
- KEIKHLASAN

sidang pegarang

PENASIHAT
Dato' Ikmal Hijaz Hashim
PENGARANG
Rohaiza Hashim
PENOLONG PENGARANG
Yazli Saleh
Maisara Noor Ahmad
PENYUMBANG
Abdul Rahimie bin Shaharom, Selangor
Razi, GPO Shah Alam
SUDUT SENI & SURAT KEPADA PENGARANG
Semua warga Pos Malaysia Berhad adalah dijemput untuk menyumbang berita, rencana, aktiviti bahagian/Negeri dan maklumat lain untuk dimuatkan di dalam PosNet. Semua sumbangan boleh dihantar kepada:
Sidang Pengarang PosNet
Bahagian Komunikasi Korporat
Pos Malaysia Berhad, Ibu Pejabat
Tingkat 34, Menara Dayabumi
Jalan Sultan Hishamuddin, 50050 Kuala Lumpur
Tel : 03 - 2267 2012
Faks : 03 - 2274 5951
E-mel : corpcomm@pos.com.my

Jaringan Maklumat Pos Malaysia Berhad
posnet
POS MALAYSIA (229990-M)

PELANCARAN SETEM BATIK MALAYSIA

- POS MALAYSIA MENYUMBANG KEPADA CANCERLINK
- MAJLIS KONVENSYEN KE-16 UPUS

POS MALAYSIA RAIKAN AIDILFITRI & DEEPAVALI

PELANCARAN SETEM BERSEMPENA SIDANG KEMUNCAK ASEAN KE-11 2005

POS MALAYSIA MENANDATANGANI PERJANJIAN DENGAN TELEKOM PUBLICATIONS

IBU PEJABAT

POS MALAYSIA RAIKAN AIDILFITRI DAN DEEPAVALI BERSAMA WARGA KERJA, PELANGGAN KORPORAT DAN WAKIL MEDIA

Pos Malaysia telah mengadakan sambutan Hari Raya Aidilfitri dan Deepavali bersama lebih daripada 4,000 warga kerja, pelanggan korporat serta wakil media bertempat di Ibu Pejabatnya di Kompleks Dayabumi.

Sambil menjamu selera dengan pelbagai juadah yang disediakan, para jemputan serta pengurusan kanan Pos Malaysia juga mengambil kesempatan ini untuk berbual serta bertukar-tukar pendapat samada tentang hal ehwal perniagaan mahupun peribadi dengan para tetamu yang hadir.

Majlis ini turut diserikan dengan kehadiran YBhg Tan Sri Adam Kadir, Pengerusi Pos Malaysia & Services Holdings Berhad, YBhg Datuk Abdul Majid Hj. Hussein, Pengerusi Pos Malaysia Berhad dan YBhg Dato' Ikmal Hijaz Hashim, Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif, Pos Malaysia Berhad.

Pos Malaysia Berhad berhasrat untuk mengadakan majlis ini pada setiap tahun sebagai suatu medan untuk merapatkan tali silaturrahim dengan warga kerja serta hubungan korporat.

POS MALAYSIA DERMA RM20,000 KEPADA YAYASAN CANCERLINK

Pos Malaysia menderma RM20,000 kepada Yayasan Cancerlink sebagai tanda sokongan kepada yayasan tersebut dalam menyediakan peluang-peluang pemulihan yang lebih baik kepada pesakit-pesakit kanser. Cek sumbangan tersebut telah disampaikan oleh Pengerusi Pos Malaysia & Services Holdings Berhad (PSH), YBhg Tan Sri Adam Kadir, kepada YBhg Toh Puan Datuk Dr Hajjah Aishah Ong, Penaung kepada Yayasan Cancerlink, semasa projek Sunshine Camp Yayasan di Seremban baru-baru ini.

"Pos Malaysia sememangnya mempunyai komitmen yang tinggi dalam membantu masyarakat terutamanya terhadap golongan yang kurang bernasib baik. Sumbangan kami adalah bertujuan untuk membantu dengan apa saja cara yang sesuai dalam meringankan bebanan mereka. Ini juga adalah salah satu cara kami menyokong usaha-usaha YAB Perdana Menteri dalam mencari kaedah rawatan yang terbaik untuk pesakit-pesakit kanser", kata YBhg. Tan Sri Adam Kadir.

sudut japeni

MAJLIS SUMBANGAN DERMA KEPADA ANAK-ANAK YATIM.

Sumbangan derma kepada anak-anak yatim adalah suatu amal jariah yang sangat mulia dilakukan terutama pada bulan Ramadhan. Oleh itu, JAPENI Pusat telah memperuntukkan sebanyak RM5,000 bagi setiap negeri untuk mengadakan majlis berbuka puasa dan sumbangan kepada anak-anak yatim. Selain itu, JAPENI Pusat dengan murah hati telah menderma sebanyak RM5,000 khas untuk anak-anak yatim dari rumah anak yatim PEYAKIN, Klang. Sumbangan tersebut telah disampaikan pada 21 Oktober 2005 oleh YBhg. Dato' Ikmal Hijaz Hashim dengan diiringi oleh beberapa orang Pegawai PMB.

sudut info

POSLAJU MEMPERKENALKAN 30 DESTINASI ANTARABANGSA BARU UNTUK PERKHIDMATAN KURIER EMS

Berkembang Secara Global Memenuhi Keperluan Global Anda

Dimaklumkan bahawa PosLaju EMS akan memperluaskan rangkaian destinasi antarabangsanya dari 62 destinasi yang sedia ada kepada 92 destinasi berkuatkuasa 1 Januari 2006. Sejajar dengan perkembangan ini, kadar khusus untuk 30 destinasi baru akan diperkenalkan.

Kadar untuk destinasi-destinasi antarabangsa lain akan diselaraskan berkuatkuasa 1 Januari 2006. Untuk destinasi-destinasi tertentu, kami dengan sukacitanya mengumumkan terdapatnya penurunan kadar manakala untuk destinasi yang lain, pengubahsuaian kadar tidak dapat dielakkan ekoran daripada semakan caj penghantaran yang telah dilaksanakan oleh rakan Pos di seluruh dunia.

Di samping itu, mulai tarikh yang sama, surcaj bahan api sebanyak 10% akan dikenakan untuk semua hantaran antarabangsa disebabkan oleh perlaksanaannya oleh syarikat-syarikat pengangkutan udara di seluruh dunia. Namun begitu, surcaj bahan api tidak akan dikenakan untuk hantaran domestik.

Kedah / Perlis

HARI KELUARGA POS MALAYSIA KEDAH/PERLIS 2005

Hari Keluarga Pos Malaysia Kedah/Perlis telah di adakan pada 03.12.2005 jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang di Pantai Merdeka, Kedah. Tujuannya adalah untuk mengeratkan siratulrahim di antara pihak Pengurusan dan Warga Pos Kedah/Perlis. Majlis ini telah dirasmikan oleh Pengurus Negeri iaitu Encik Jaafar bin Abd. Rahman. Seramai 500 orang hadir termasuk ahli keluarga masing-masing. Sebanyak 15 acara sukaneka telah berlangsung antaranya suami solek isteri, lari dalam guni, terompah gergasi, kerusi muzik, boling padang dan sebagainya. Selain daripada itu cabutan nombor bertuah juga diadakan bagi mengeriakan sambutan Hari Keluarga tersebut. Di samping itu pihak pengurusan juga turut menyediakan sarapan pagi dan makan tengahari.

Pulau Pinang

MAJLIS PERSARAAN WARGA PMB P. PINANG DAN JAMUAN AIDILFITRI

Satu majlis makan malam bagi meraikan warga PMB P.Pinang dan Jamuan Aidilfitri telah diadakan pada 27.11.2005 bertempat di Kompleks Penyayang, Kepala Batas.

Majlis tersebut dihadiri oleh YBhg. Dato' Ikmal Hijaz b.. Hashim yang telah menyampaikan cenderahati serta sijil kepada 32 kakitangan yang bersara pada tahun 2005. Turut hadir ialah seramai 250 kakitangan PMB P.Pinang yang bersama-sama meraikan mereka.

Selangor

MAJLIS DOA SELAMAT BAGI BAKAL HAJI

Sempena musim haji tahun ini, Pengurusan Pos Malaysia Selangor tidak ketinggalan meraikan 10 warga kerjanya yang akan berangkat menunaikan tuntutan Rukun Islam Kelima dalam satu Majlis Doa Selamat dan Tazkirah yang diadakan di Bilik Rekreasi, PPN Selangor pada 29 Nov 2005. Cenderahati berupa sepasang kain ihram, tali pinggang dan telekung telah disampaikan oleh Pengurus Negeri, Hj. Abu Sujat Ikhsan kepada bakal-bakal Haji berkenaan. Hadir sama dalam Majlis ini ialah Pengganti Pengurus Negeri yang baru, En. Wan Sharpudin Wan Ramli.

MAJLIS SAMBUTAN AIDIL FITRI

Dalam memeriahkan suasana Syawal, satu Majlis Sambutan Aidil Fitri 1426H peringkat Pejabat Pengurus Negeri Selangor telah berlangsung di Impiana Kafeteria, PPN Selangor pada 11 Nov 2005. Turut memeriahkan majlis ini ialah bekas Pengurus Negeri Selangor, En. Koh Lai Yong, En.Mohd Saaid Manap dan sebahagian kakitangan pos dari daerah berhampiran. Pos Cawangan Kelana Jaya, Klang, Pelabuhan Klang & Subang Jaya turut mengadakan majlis yang sama di tempat masing-masing.

JAMUAN HARI RAYA AIDILFITRI ANJURAN PEJABAT PENGURUS NEGERI

Jamuan tersebut telah diadakan pada 21.11.2005 bertempat di dewan serbaguna Pejabat Pengurus Negeri. Jamuan ini juga diadakan bagi meraikan 4 orang Pegawai Kanan yang akan bertukar dan bersara mulai 1.12.2005. Turut juga diraikan ialah warga PPN yang hari lahir jatuh pada bulan Oktober, November dan Disember. Seramai 250 kakitangan hadir pada majlis tersebut.

Terengganu

MAJLIS SAMBUTAN HARI RAYA 2005

Pos Malaysia Berhad Terengganu telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya pada 18 November 2005 bertempat di Perkarangan Pejabat Pos Besar Kuala Terengganu.

Seramai lebih 800 warga kerja termasuk keluarga serta pesara-pesara Pos Malaysia Berhad menghadiri majlis tersebut. Pelbagai juadah Hari Raya disediakan untuk santapan hadirin. Antara aktiviti yang menarik perhatian serta paling digemari terutamanya oleh kanak-kanak ialah pembahagian duit raya. Acara ini disempurnakan oleh Pengurus Negeri, Tuan Haji Din Bin Hussain dan Pengerusi Puteri Pos Malaysia Terengganu, Puan Hajah Rakiah Bt. Daud.

SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA

Pada 9 Oktober 2005, Pos Malaysia Berhad Terengganu telah mengadakan Sambutan Hari Pos Sedunia Peringkat Negeri Terengganu. Tema Hari Pos Sedunia Bagi tahun ini ialah "Reaching Everyone Everywhere". Antara aktiviti yang dijalankan ialah perhimpunan kakitangan dan penutusan Pengurus Negeri, pertandingan mewarna dan penyampaian hadiah kepada peserta yang berjaya.

MAJLIS PENYERAHAN ZAKAT POS MALAYSIA

Pada 6 Oktober 2005, Pos Malaysia Berhad Terengganu telah menyampaikan Zakat Perniagaan Pos Malaysia kepada Majlis Hal Ehwal Agama dan Adat Istiadat Negeri Terengganu (MAIDAM) berjumlah RM10,068.00. Majlis penyerahan tersebut disampaikan oleh Pengurus Negeri kepada Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM.

Johor

MERIAH ! HARI KELUARGA POS MALAYSIA JOHOR 2005.

Tanggal 3 & 4 Disember 2005, warga kerja Pos Malaysia Johor telah menyambut Hari Keluarga dengan meriah sekali. Sambutan tersebut telah diadakan di Telok Godek Beach Resort, Mersing,Johor. Sambutan amat menggalakkan dan seramai 1200 orang telah mengambil bahagian dalam majlis tersebut. Pos Malaysia Johor amat berterima kasih kepada Pihak Pengurusan Ibu Pejabat kerana telah memberikan peruntukan bagi menjayakan majlis itu. Terima kasih daun keladi, tahun hadapan kasi lagi

SAMBUTAN HARI RAYA POS MALAYSIA JOHOR

Pejabat Pengurus Negeri Johor telah mengadakan Majlis Sambutan Hari Raya Aidilfitri pada 30.11.2005. Majlis dimulakan dengan kumpulan marhaban yang di ketuai oleh En. Mohd. Nasir Bin Lani. Di samping itu juga, majlis penyerahan sijil bagi pesara juga telah dilaksanakan. Penyampaian sijil disempurnakan oleh Tuan Pengurus Negeri. Antara para pesara tersebut ialah En. Musa bin Jasman, En. Kassim bin Majid, En Idris bin Abd. Hamid dan En. Rasamanikam.

Melaka

LAWATAN SAMBIL BELAJAR TADIKA & TASKA SERI BERJAYA BUKIT BERUANG MELAKA

Hampir 40 murid Tadika & Taska Seri Berjaya Bukit Beruang Melaka hadir dalam sesi lawatan sambil belajar ke GPO Melaka. Mereka telah diberi penerangan berkaitan dengan urusniaga di kaunter dan bagaimana surat diproses sebelum diserahkan kepada penerima.

Pahang

SAMBUTAN AIDILFITRI POS MALAYSIA PAHANG

Satu jamuan Hari Raya Pos Malaysia Pahang telah diadakan pada 20 November 2005 di perkarangan Pejabat Pos Temerloh. Jamuan ini melibatkan kakitangan dan keluarga daripada 12 buah pejabat pos dan sebuah Pusat Pemprosesan Mel.

Sabah

SAMBUTAN HARI POS SEDUNIA 9 OKTOBER 2005

Majlis penutupan Hari Pos Sedunia telah diadakan pada 12hb Oktober 2005, dirasmikan oleh Pengurus Negeri Sabah Tuan Haji Othman Bin Dari. Turut hadir kakitangan Pos Malaysia Kota Kinabalu, kakitangan dari pejabat-pejabat Pos Cawangan dan juga pengusaha Pos Mini. Majlis tersebut meriah dengan penyampaian Anugerah Cemerlang bagi Pejabat Pos yang terpilih mewakili Negeri Sabah bagi Kategori Pejabat Pos Terbaik dan juga kepada pejabat-pejabat pos yang telah menunjukkan rekod tertinggi dalam jualan produk Pos Malaysia.

Sarawak

MAJLIS RAMAH TAMAH AIDULFITRI

Sempena sambutan Hari Raya Aidil Fitri, satu majlis Ramah Ramah Aidil Fitri telah diadakan pada 13 November 2005. Lebih kurang 465 orang kakitangan dan ahli keluarga Pos menghadiri majlis ini yang bertujuan mengeratkan hubungan silaturrahim antara semua warga Pos. Antara aktiviti di majlis itu ialah cabutan tiket bertuah, nyanyian karaoke, persembahan nyanyian oleh Puteri Pos dan pemberian duit raya kepada kanak-kanak.

Kehadiran Pengurus Negeri, En. Muhamad Bin Mat Nor serta isteri telah menyerikan suasana majlis. Turut hadir adalah pegawai-pegawai Pos yang sudah bersara.

berita warga pos

MALAM JASAMU DIKENANG POS MALAYSIA KEDAH/PERLIS

Malam Jasamu DiKenang telah diadakan pada 03.12.2005 di Hotel Swiss Inn Sungai Petani, Kedah. Majlis ini dirasmikan oleh Pengurus Negeri Kedah/Perlis iaitu Encik Jaafar bin Abd. Rahman. Tujuan ia diadakan adalah untuk meraikan kakitangan yang telah bersara. Seramai 45 orang pesara diraikan yang terdiri dari 2 orang Eksekutif, 13 orang Kerani dan 30 orang Posmen. Majlis ini juga turut dihadiri oleh isteri dan suami pesara. Seramai 200 orang terdiri daripada Pihak Pengurusan, Ketua Pos dan Warga Pos Kedah/Perlis menghadiri Malam Jasamu DiKenang. Para tetamu juga telah dihiburkan dengan nyanyian oleh Puan Shima dan Encik Che Umar. Acara cabutan bertuah juga diadakan bagi memeriahkan Malam Jasamu DiKenang tersebut.

MALAM JASAMU DIKENANG POS MALAYSIA TERENGGANU

Pada 25 Oktober 2005, Pos Malaysia Terengganu telah mengadakan Majlis 'Jasamu Dikenang' bertempat di Hotel Grand Continental bagi meraikan kakitangan Pos Malaysia Terengganu yang telah bersara sehingga 30 November 2005 samada secara pilihan ataupun wajib.

Antara kakitangan yang diraikan ialah Pengurus Negeri, Timbalan Pengurus Negeri, 6 orang kerani dan seorang posmen.

MAJLIS PERPISAHAN PENGURUS NEGERI SARAWAK

Satu majlis perpisahan untuk meraikan En. Muhamad Bin Mat Nor telah diadakan pada 25 November 2005 di sebuah restoran sempena dengan persaraan awal beliau sebagai Pengurus Negeri Sarawak pada 31.11.05. Majlis Hi-Tea ini telah dihadiri oleh seramai 160 kakitangan. Turut hadir ialah isteri beliau yang juga Pengerusi Puteri Pos Sarawak, Puan Suraiya Bte Mustapha.

Turut hadir di majlis tersebut ialah En. Othman Bin Abdullah yang akan mengambil alih jawatan Pengurus Negeri mulai 1.12.05. Kita mengucapkan "Selamat Bersara" kepada En. Muhamad dan kepada En. Othman, kita ucapkan "Selamat Datang Ke Bumi Kenyalang".

MAJLIS KONVENSYEN KE-16 UPUS

Tanggal 20 Disember 2005, Majlis Konvensyen ke-16 Kesatuan Pekerja-Pekerja Pakaian Seragam Pos Malaysia Berhad (UPUS) Semenanjung Malaysia telah dirasmikan di Dewan Kayangan, Hotel Ancasa, Kuala Lumpur. Perasmian Majlis konvensyen tersebut telah disempurnakan oleh YBhg Tan Sri Adam Kadir. Pada sebelah malamnya pula berlangsung Majlis Makan Malam bersempena dengan konvensyen tersebut. Turut menyerikan Majlis Makan Malam itu ialah Tan Sri Adam Kadir, Datuk Abdul Majid Hussein serta Dato' Ikmal Hijaz Hashim.

Majlis Konvensyen tersebut berlangsung selama tiga hari iaitu dari 20 hingga 22 Disember 2005.



MAJLIS PERPISAHAN PENGURUS NEGERI MELAKA & KETUA OPERASI NEGERI MELAKA.

En Sazali Muhd Din menyampaikan cenderahati kepada En Wan Sharpudin Wan Ramli

sudut setem & filateli

MINGGU SETEM 2005 BERSEMPENA DENGAN MINGGU BATIK ANTARABANGSA KUALA LUMPUR.

Bersempena dengan Minggu Batik Antarabangsa Kuala Lumpur, Pos Malaysia Berhad telah menganjurkan Minggu Setem 2005 bermula dari 2 hingga 8 Disember 2005 di KL Sentral.

Tumpuan utama bagi Minggu Setem untuk tahun ini merupakan setem Batik Malaysia yang menampilkan rekaan eksklusif pemenang Pertandingan Rekaan Batik Piala Seri Endon bagi tahun 2003 dan 2005. Setem-setem tersebut telah dilancarkan oleh YAB Datuk Seri Abdullah Hj. Ahmad Badawi sewaktu pelancaran Minggu Batik Antarabangsa Kuala Lumpur bertempat di Dataran Kuala Lumpur City Centre (KLCC).

Tarikan unik untuk Minggu Setem pada tahun ini ialah menampilkan tujuh cap tarikh khas bertemakan batik di mana setiap satu daripadanya adalah untuk setiap hari dalam Minggu Setem. Cap tarikh khas ini hanya terhad kepada pengunjung di KL Sentral.

Selain daripada jualan Setem Batik Malaysia serta pelbagai barangan filateli, setem-setem keluaran terdahulu serta bahan-bahan lain yang digemari oleh pengumpul setem juga akan dipamerkan serta dijual pada Minggu Setem tersebut. Selain itu, aktiviti lain termasuk 'Pertandingan Meneka Jumlah Setem', cabutan bertuah serta sesi khas untuk pengedar setem.



KENALI LIMA PULAU-PULAU DAN TERUMBU-TERUMBU MALAYSIA DI LAUT CHINA SELATAN MENERUSI SETEM DAN SAMPUL SURAT HARI PERTAMA

Pos Malaysia Berhad telah mengeluarkan koleksi setem khas dan Sampul Surat Hari Pertama menampilkan "Lima Pulau-Pulau dan Terumbu-Terumbu Malaysia di Laut China Selatan" pada hari Khamis, 22 Disember 2005.

Daripada 599 buah pulau, terumbu karang dan batuan dalam perairan Malaysia, 244 buah yang mewakili 40% daripada jumlah tersebut terletak di Laut China Selatan yang kaya dengan pelbagai eko-sistem marin. Koleksi setem khas ini memaparkan Pulau Layang-Layang, Terumbu Peninjau, Terumbu Siput, Terumbu Ubi dan Terumbu Mantanani.